

PM beri jaminan persekitaran perniagaan baik

New York: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan kepada pelabur global yang berhasrat memasuki Malaysia bahawa negara ini sedang melaksanakan pembaharuan dan mewujudkan persekitaran perniagaan lebih baik untuk mereka.

Malah, beliau yang juga Menteri Kewangan berkata kerajaan pimpinannya sedang berusaha sedaya upaya untuk membetulkan kesilapan lampau yang menyebabkan kemajuan serta pembangunan sosioekonomi Mala-

ysia terjejas selepas meraih kemajuan berdekad-dekad lamanya.

“Tanpa mengendahkan tahun pandemik COVID-19, dua dekad sebelum dan selepas 1998 menyaksikan penurunan ketara dalam purata pertumbuhan ekonomi kita,” kata beliau ketika menyampaikan ucapan tama “Re-gaining Malaysia’s Lead in Asia” (Mengembalikan Penerajuan Malaysia di Asia) pada acara Invest Malaysia New York anjuran Bursa Malaysia di sini, pada Khamis.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata sejak beberapa tahun lalu, angka pelaburan susut berbanding peratusan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), manakala sumber ekonomi baharu yang mampu memacu pertumbuhan pula tidak ketara ketika ekonomi terus menumpukan aktiviti domestik tanpa memanfaatkan sepenuhnya peluang di pasaran global.

Sehubungan itu, selepas memegang jawatan sebagai Perdana Menteri pada November 2022,

Anwar berkata apa yang jelas adalah pentadbiran beliau tiada pilihan kecuali bertindak melakukan penstrukturan semula terhadap Malaysia.

“Keutamaan saya adalah tiga perkara... memperkukuh tadbir urus negara, menstruktur semula ekonomi dan membuka jalan bagi masa depan kita,” katanya yang pernah menyandang jawatan sebagai Menteri Kewangan pada 1991 hingga 1998.

Jelas Perdana Menteri, transformasi yang diperlukan oleh Malaysia telah digariskan dalam

Ekonomi MADAN: Memperkasa Rakyat, satu rangka kerja mantap yang secara sistematik menangani kekurangan struktur secara sistematik dalam dasar fiskal kerajaan dan pemacu hasil, ekosistem ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat negara ini.

“Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA) akan dibentangkan di Parlimen pada Oktober ini, menggariskan prinsip dan peraturan fiskal bagi meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan dalam pengurusan fiskal,” kata beliau.